

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2018/2019

Disember 2018/Januari 2019

**HMT508 – Sociolinguistik Dan Psikolinguistik
Bahasa Melayu Lanjutan**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA (5) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

1. Pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi LIMA (5) soalan.
2. **Soalan 1 dan Soalan 2 daripada Bahagian A WAJIB dijawab.**
3. Jawab mana-mana DUA (2) soalan yang lain daripada Bahagian B.
4. Anda dikehendaki menyerahkan kedua-dua kertas soalan dan jawapan. Kertas soalan dan buku jawapan hendaklah diikat bersama-sama.

...2/-

SULIT

Bahagian A: **Soalan 1 dan Soalan 2 daripada Bahagian A WAJIB dijawab.**

1. Jawab soalan [a], [b] dan [c].

- [a] Dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan secara kritis *masalah ketidakberubahan* dalam persepsi pertuturan.
- [b] Kenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada *masalah ketidakberubahan* dalam persepsi pertuturan.
- [c] Hubung kaitkan *masalah ketidakberubahan* dalam [a] dengan pengecaman pertuturan berkomputer.

[25 markah]

2. Jawab soalan [a] dan [b].

- [a] Kemukakan penilaian anda mengenai keterangan yang mengimplikasikan bahawa kesilapan-kesilapan pertuturan adalah sangat penting bagi kajian penghasilan pertuturan.
- [b] Dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan jenis-jenis maklumat yang dapat diperolehi daripada kesilapan-kesilapan pertuturan.

[25 markah]

Bahagian B: Jawab mana-mana DUA (2) soalan.

3. Jawab soalan [a] dan [b].

- [a] Dengan merujuk kepada sarjana yang berkaitan dan bersertakan contoh-contoh yang sesuai, perincikan langkah-langkah dalam perancangan bahasa.

[10 markah]

...3/-

SULIT

- [b] Bincangkan dengan kritis dan bersertakan contoh-contoh yang sesuai, perancangan bahasa di Malaysia dengan mengambil kira SEMUA perkara yang disenaraikan dalam [i] – [iii] di bawah.

[i] komuniti bahasa dalam masyarakat majmuk

[ii] pendidikan

[iii] arus globalisasi

[15 markah]

4. Jawab soalan [a], [b] dan [c].

- [a] Dengan mengambil kira pandangan mana-mana TIGA sarjana, huraikan dengan kritis variasi bahasa dan dialek. Sertakan contoh-contoh yang sesuai untuk hujah-hujah anda.

[7 markah]

- [b] Bincangkan DUA fenomena sosiolinguistik yang berkaitan dengan pemilihan bahasa dalam masyarakat majmuk. Rujuk sarjana berkaitan dan sertakan contoh-contoh dalam perbincangan anda.

[8 markah]

- [c] Berdasarkan Bamgbose (1991), bincangkan TIGA aktiviti penting dalam perancangan korpus yang memungkinkan hasil yang ketara dalam perancangan bahasa.

[10 markah]

5. Jawab soalan ini menggunakan maklumat daripada Gambar 1 yang diambil daripada komen pos Facebook Berita Harian Online tentang 'Penahanan pemuda Autisme cabul gadis ikut SOP – Polis'.

Bincangkan, dengan ringkas dan padat, DUA daripada fenomena [i] hingga [iv] yang terserlah dalam Gambar 1 daripada DUA sudut [a] hingga [c]. Sudut [a] hingga [c] ialah:

- [a] sosiomorfologi
- [b] sosiosintaksis
- [c] sosiopragmatik

Fenomena [i] hingga [iv] ialah:

- [i] percampuran kod bahasa Melayu baku dan dialek Melayu dunia siber
- [ii] bahasa SMS
- [iii] kesantunan berbahasa dalam teks tulisan
- [iv] peminjaman bahasa

Anda juga dikehendaki mengenal pasti dan menyertakan sekurang-kurangnya EMPAT contoh yang bersesuaian daripada Gambar 1 dalam perbincangan anda. Pastikan anda dapat memperlihatkan pertalian contoh ini dengan fenomena dan sudut pilihan anda.

...5/-

Gambar 1

- 

Jerry Gerald Choong Dah Tau anak sakit dah gian perempuan kawal rapi la, terkena Kat bini atau anak korang baru korang terdiam, nak tunngu sampai dia merogol baru ambik tindakan ke?

Like Reply 1w    54

↳ 32 Replies
- 

Yamin Hamzah Dalam situasi apa sekali pun apa bila terdapat laporan dari pihak Pengadu pihak Polis akan membuat tangkapan terhadap suspek (defendan) untuk siasatan lanjut jika terdapat prima facie untuk Pendakwaan. Selebihnya biar Mahkamah yg menentukan.

Like Reply 1w Edited   30

↳ 9 Replies
- 

Damian Benjamin Kesedaran autism masih lemah dalam masyarakat kita . Tgk kepada coment Allah hu .

Like Reply 1w   22
- 

Abdullah Sani Noratu Setuju

Like Reply 1w
- 

Fahmie BearBeary Damian Benjamin truly agree

Like Reply 6d

(Sumber:
<https://www.facebook.com/bhonline/posts/10156623737245600?xts>)

[25 markah]